

13 NOV 1996
Mahathir-Guiana
MAHATHIR TIBA DI FRENCH GUIANA

Oleh: Azman Ujang

CAYENNE (French Guiana), 13 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini Selasa malam (pagi Rabu di Malaysia) ketika keselamatan dipertingkatkan kerana mogok umum dijangka berlaku berikutan bantahan terhadap keadaan yang tidak memuaskan di sekolah-sekolah di wilayah ini.

Perdana Menteri dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba dari negara kepulauan Caribbean, Trinidad and Tobago selepas lawatan kerja sehari.

Lebih ramai askar dari Paris dikerahkan ke sini ekoran tunjuk perasaan dan kecurian Sabtu lepas. Keadaan itu menimbulkan tanda tanya sama ada Dr Mahathir akan berada di sini untuk menyaksikan pelancaran satelit kedua Malaysia, Measat-2, yang dijadual pada 7.40 malam ini (6.40 pagi Khamis di Malaysia).

Kedatangan Dr Mahathir dilihat sebagai bukti komitmen dan sokongan beliau terhadap satu lagi usaha ke arah kejayaan Malaysia.

Pegawai-pegawai Arianespace, syarikat yang mengendalikan pelancaran satelit itu dan Binariang, pemilik Measat-2, berasa lega kerana mereka telah bertungkus lumus sejak beberapa bulan lepas membuat persiapan bagi proses pelancaran itu.

Pegawai-pegawai Arianespace kkuatir mogok umum yang dijangka itu akan menyebabkan kesulitan kepada Dr Mahathir dan rombongannya khususnya jika bekalan elektrik tidak disediakan.

Bagaimanapun, tidak timbul sebarang keraguan yang pelancaran satelit itu akan dibatalkan akibat mogok itu kerana ia berlangsung di Kourou Space Centre yang terletak 60km dari sini. Pusat pelancaran utama bagi satelit itu adalah milik Arianespace.

Ketibaan Dr Mahathir di lapangan terbang di sini disambut oleh pengerusi Binariang Tun Haniff Omar, pemegang saham terbesarnya Tan Sri T. Ananda Krishnan serta pengerusi dan ketua pegawai eksekutif Arianespace Charles Bigot.

Dr Mahathir kemudian berlepas ke Hotel Atlantis di Kourou, tempat beliau dan 200 jemputan dari Malaysia akan menginap sebelum menyaksikan pelancaran itu.

Ketika ditanya mengenai kemungkinan mogok itu berlaku pada hari yang sama dengan pelancaran Measat-2, Haniff yang menjadi Ketua Polis Negara selama 20 tahun sehingga bersara dua tahun lepas, memberitahu Bernama:

"Ianya masalah kecil. Perkara lebih besar pernah berlaku di Malaysia dan saya yakin pihak berkuasa Perancis dapat mengawalinya."

Negara kecil ini yang mempunyai 150,000 orang penduduk terletak di kawasan pesisir Timur Laut Amerika Selatan dan dijadikan wilayah Perancis pada 1946. Kebanyakan penduduknya terdiri daripada masyarakat Creole manakala yang lainnya adalah India Amerika, Cina, Eropah, Indocina, Lubnan dan Syria.

Hotel Atlantis dan Hotel Des Roches yang menempatkan lebih 20 wakil media Malaysia, telah memasang generator untuk menghadapi kemungkinan mogok umum itu.

Pengurus Perhubungan Media Binariang Rodhiah Ismail turut bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan -- beliau mengedar lilin kepada wartawan.

Dalam tempoh tidak sampai 24 jam menjelang pelancaran Measat-2, yang kedua dalam program satelit serantau Binariang yang menelan belanja RM600 juta, pegawai di Kourou Space Centre berkeadaan yakin dan mengadakan beberapa taklimat kepada wartawan Malaysia sepanjang hari.

Phillipe Roland, pengarah misi pelancaran itu, berkata cuaca diramalkan baik tetapi jika angin bertiup kencang atau berlaku ribut, ia akan ditangguhkan sehari.

Pengurus kanan Binariang Abdul Halim Abdul Majid berkata dengan adanya dua satelit -- Measat-1 dilancarkan pada Januari -- syarikat itu mempunyai kelebihan daya saing dalam pelbagai bidang termasuk perniagaan, teknologi dan pendidikan.

-- BERNAMA

AU MAI